

05 JUN 2002

Mahathir-Rome/I (Bergambar)

DR MAHATHIR BERLEPAS KE ROME

SUBANG, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Rome malam ini untuk lawatan kerja tiga hari sebelum mengadakan lawatan rasmi ke Switzerland dan Luxembourg.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Pesawat khas yang membawa Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berlepas dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang pada 10.30 malam.

Antara yang mengucapkan selamat jalan kepada mereka ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kabinet.

Lawatan Dr Mahathir ke Switzerland adalah mulai Ahad hingga Selasa depan manakala ke Luxembourg mulai 11 hingga 13 Jun.

Di Vatican City, Dr Mahathir dijadualkan bertemu Pope John Paul II dan anggota lain kerajaan Holy See.

Dalam pertemuan julung kali itu, Perdana Menteri dan Pope dijangka membincangkan tentang keganasan, konflik Palestin-Israel dan dialog antara Islam dan Kristian.

Semasa di Rome, Dr Mahathir akan melawat Pusat Kebudayaan Islam yang juga dikenali sebagai Masjid Rome, di mana beliau akan menunaikan solat Jumaat.

Semasa lawatan ke Switzerland, Dr Mahathir akan berada di Berne di mana beliau dijadualkan mengada pertemuan dengan Presiden Persekutuan Switzerland Kaspar Villiger diikuti oleh mesyuarat dua hala delegasi.

Perdana Menteri juga akan melawat kemudahan Sauber Petronas di Hinwill.

-- BERNAMA

MUN AZH NAK